

POWER UP REWARD

Tempoh Kempen : 1 April hingga 31 Mei 2023


PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.



Tingkatkan perlindungan anda dan nikmati **RM500 Ganjaran Tunai** apabila anda melanggan pelan **PRUWith You*** dengan premium tahunan minimum RM2,600#!

*Hayat Yang Diinsurankan bagi Polisi Yang Layak mesti: (a) Tidak mempunyai sebarang polisi aktif sebelum 1 April 2023 yang melanggan daripada saluran agensi PAMB, di mana mereka adalah seorang Hayat Yang Diinsurankan; dan (b) Adalah Hayat Yang Diinsurankan bagi pelan **PRUWith You** baharu yang telah dilanggan semasa Tempoh Kempen dan memenuhi kelayakan kempen.

#Kecuali Premium **PRUSaver**, Premium **PRUSaver Kid**, Penambahan Premium Tunggal dan Premium Terdahulu.

Tertakluk pada terma dan syarat.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.prudential.com.my atau hubungi Perancang Kewangan Prudential anda sekarang.

Terma dan Syarat Kempen PowerUp Reward

- 1) Kempen PowerUp Reward ini ("**Kempen**") dianjurkan oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("**PAMB**" atau "**kami**"). Dengan menyertai Kempen ini, anda ("**anda**" atau "**pelanggan**") bersetuju bahawa anda telah baca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan semua Terma dan Syarat Kempen ini dan sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang kami lakukan ke atas Kempen ini dengan memberi notis awal, di mana notis tersebut adalah daripada PAMB. Dengan menyertai Kempen ini, anda juga bersetuju untuk tertakluk kepada Polisi Privasi kami yang boleh diakses melalui <https://www.prudential.com.my/en/privacy-policy/>.
- 2) Tempoh Kempen: 1 April 2023 hingga 31 Mei 2023, termasuk kedua-dua tarikh ini ("**Tempoh Kempen**").
- 3) Kelayakan Kempen:
 - a) Kempen ini terbuka kepada pelanggan (Pemilik Polisi) yang melanggan polisi baharu **PRUWith You** dengan premium tahunan minimum RM2,600 dan menyerahkan borang cadangan melalui **PRUWay Plus** dalam Tempoh Kempen ("**Pelanggan Yang Layak**"), di mana setiap polisi ("**Polisi Yang Layak**") tersebut mesti:
 - i) direkodkan (diluluskan dan dikeluarkan) sebelum atau pada 15 Jun 2023; dan
 - ii) memilih kaedah pembayaran premium berulang dengan pembayaran melalui Kad Kredit/Debit dengan e-pendaftaran berikutnya melalui **PRUWay Plus**, **PRUAccess Plus** atau **PRUServe Plus** sebelum atau pada 15 Jun 2023.
 - b) Hayat Yang Diinsuranskan bagi Polisi Yang Layak mesti:
 - i) tidak mempunyai sebarang polisi aktif sebelum 1 April 2023 yang melanggan daripada saluran agensi PAMB, di mana mereka adalah seorang Hayat Yang Diinsuranskan; dan
 - ii) adalah Hayat Yang Diinsuranskan bagi pelan **PRUWith You** baharu yang telah dilanggan semasa Tempoh Kempen dan memenuhi kelayakan kempen. Untuk mengelakkan keraguan - sebarang polisi yang dikeluarkan sehingga 31 Mac 2023 yang tidak lagi aktif (cth. diserahkan balik, dibatalkan, luput, cadangan tidak diambil) tidak akan diambil kira sebagai polisi aktif bagi tujuan Kempen ini.
 - c) Setiap Polisi Yang Layak:
 - i) mesti berkuat kuasa pada setiap masa dengan tiada pengeluaran sebahagian polisi (sama ada dari Akaun Unit Asas ("**BUA**") atau Akaun Unit Pelaburan ("**IUA**") dilakukan pada Polisi Yang Layak: dan
 - ii) bayaran premium bagi polisi itu mestilah dikemas kini, pada atau sebelum pemenuhan Ganjaran Kempen (seperti yang dinyatakan di bawah) kepada Pelanggan Yang Layak. Jika Polisi Yang Layak tersebut tidak berkuat kuasa atau terdapat sebarang premium yang belum dijelaskan pada atau sebelum pemenuhan Ganjaran Kempen kepada Pelanggan Yang Layak. Polisi Yang Layak tersebut akan hilang kelayakannya untuk menyertai Kempen ini.
 - d) Pengendorsan negatif (cth. pengurangan manfaat atau premium dalam Polisi Yang Layak dengan mana-mana cara) tidak boleh dilakukan pada atau sebelum pemenuhan Ganjaran Kempen kepada Pelanggan Yang Layak.
 - e) Yang berikutnya akan DIKECUALIKAN daripada pengiraan premium tahunan minimum untuk **PRUWith You**:
 - i) Premium **PRUSaver**;
 - ii) Premium **PRUSaver Kid**;
 - iii) Penambahan Premium Tunggal; dan
 - iv) Premium Terdahulu
 - f) Sekiranya cadangan untuk **PRUWith You** dikehendaki untuk menyerah semula atau diserahkan selepas Tempoh Kempen atas sebarang alasan (cth. cadangan tidak diambil), Polisi Yang Layak akan hilang kelayakan daripada Kempen ini.
 - g) PAMB akan membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang mengemukakan borang cadangan **PRUWith You** mulai 1 Mac 2023, tetapi membatalkan borang cadangan tersebut dan seterusnya mengemukakan semula borang cadangan yang sama bagi **PRUWith You** dalam Tempoh Kempen.

- 4) Ganjaran Kempen:
 - a) Tertakluk pada Terma dan Syarat Kempen ini, setiap Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi kriteria layak seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3 akan layak mendapat RM500 Ganjaran Tunai ("**Ganjaran Kempen**"):

Produk	Kriteria	Ganjaran Kempen
PRUWith You	<ul style="list-style-type: none"> Hayat Yang Diinsuranskan mesti seorang pelanggan baharu kepada PAMB (rujuk klausa 3(b)); Memenuhi premium tahunan minimum RM2,600*; dan Pilih kaedah pembayaran berulang 	RM500 Ganjaran Tunai

*Kecuali Premium **PRUSaver/PRUSaver Kid**, Penambahan Premium Tunggal dan/atau Premium Terdahulu.

- b) Untuk menerima Ganjaran Kempen, Pelanggan Yang Layak dikehendaki memberikan butir-butir akaun bank yang sah kepada PAMB termasuk nama akaun bank dan nombor akaun bank ("**Butiran Akaun Bank**"). Butiran Akaun Bank mesti wujud dalam sistem PAMB pada atau sebelum 15 Jun 2023.
- c) Pemenuhan Ganjaran Kempen akan dilaksanakan pada atau sebelum 30 September 2023 di mana Ganjaran Kempen yang berkenaan untuk setiap Polisi Yang Layak akan dikreditkan ke dalam akaun bank Pelanggan Yang Layak. Selepas pemenuhan Ganjaran Kempen, Pelanggan Yang Layak akan dimaklumkan melalui SMS.
- d) Ganjaran Kempen akan dikreditkan ke dalam IUA sekiranya:
 - i) Tiada Butiran Akaun Bank mengikut perenggan 4(b);
 - ii) Ganjaran Kempen tidak berjaya dikreditkan oleh sebab nombor pengenalan tidak sah atau Butiran Akaun Bank tidak sah atau status akaun bank yang tidak sah (digantung, dibatalkan atau ditamatkan); atau
 - iii) Sebarang sebab lain yang menyebabkan Ganjaran Kempen tidak berjaya dikreditkan.
- e) Ganjaran Kempen yang dikreditkan ke dalam akaun bank atau IUA Pelanggan Yang Layak (mengikut kes yang berkenaan) oleh PAMB mengikut Terma dan Syarat Kempen ini akan dianggap sebagai bayaran penuh dan PAMB akan dilepaskan liabiliti dan permintaan sehubungan dengan Ganjaran Kempen tersebut.

Peruntukan Am

- 5) Pelanggan Yang Layak adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga ketepatan maklumatnya setiap masa. PAMB juga boleh meminta maklumat lebih lanjut daripada Pelanggan Yang Layak untuk menentukan keaslian setiap maklumat yang diberikan, termasuk sama ada maklumat itu palsu atau berlebihan.
- 6) Jika Polisi Yang Layak berkenaan telah mendapat ganjaran di bawah kempen-kempen lain yang dianjurkan oleh PAMB (cth. Kempen Kematangan Polisi), ianya tidak akan berlayak untuk sebarang Ganjaran Kempen dari Kempen ini.
- 7) PAMB boleh menolak hak Ganjaran Kempen sekiranya salah satu Terma dan Syarat dalam Kempen ini tidak dipenuhi. Sebarang rayuan tidak akan dilyankan.
- 8) PAMB mempunyai budi bicara untuk memutuskan berkenaan dengan semua perkara dan pertikaian mengenai Kempen ini sesuai dengan melayan anda dan Pelanggan Yang Layak lain secara adil, termasuk mengganti Ganjaran Kempen dengan bentuk hadiah/ganjaran lain yang setara.
- 9) PAMB mempunyai budi bicara untuk meminda Terma dan Syarat Kempen ini dan membatalkan, menghentikan atau menanggungkan Kempen ini dengan pemberitahuan awal. Cara maklumat (jika ada) atas pindaan, penggantungan, penangguhan atau perubahan adalah tertakluk kepada budi bicara PAMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada paparan di laman web atau media sosial PAMB.
- 10) Ganjaran Kempen tidak boleh dipindah milik dan permintaan untuk kreditkan kepada mana-mana pihak tidak akan dilyankan.
- 11) Kempen ini dan Ganjaran Kempen tidak akan menjadi sebahagian daripada cadangan insurans dan Polisi Yang Layak. Untuk kejelasan, Ganjaran Kempen akan dikreditkan mengikut Klausa 4 di atas walaupun selepas Pelanggan Yang Layak telah menyerahkan hak, faedah dan wang yang perlu dibayar di bawah Polisi Yang Layak secara mutlak kepada orang lain.
- 12) Tanpa mengambil kira apa-apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam Kempen ini, jika:
 - a) PAMB mengetahui atau diberitahu bahawa Pelanggan Yang Layak dinamakan dalam mana-mana senarai Sanksi, atau diancam untuk dimasukkan ke dalam mana-mana senarai Sanksi; atau
 - b) PAMB boleh didapati melanggar obligasi Sanksi akibat mengambil apa-apa tindakan di bawah Kempen ini, maka PAMB akan membatalkan kelayakan Pelanggan Yang Layak secara serta-merta dengan atau tanpa notis awal kepada Pelanggan Yang Layak, PAMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk kerugian di mana Pelanggan Yang Layak mungkin akan bertanggungjawab ke atas apa yang timbul daripadanya. “**Sanksi**” merujuk kepada langkah-langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri sasaran oleh badan antarabangsa atau kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada *Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury*, Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat dan Kementerian Dalam Negeri di Malaysia.
- 13) Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan sesuai dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif pengadilan Malaysia.
- 14) Dalam melaksanakan kewajipan mereka di bawah Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti mematuhi semua undang-undang antisogokan dan antirasuah yang terpakai (dan peraturan dan garis panduan yang berkaitan). Secara khususnya, Pelanggan Yang Layak dengan ini mengakui dan bersetuju:
 - a) untuk mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Amalan Rasuah Luar Negara Amerika Syarikat dan Ordinan Pencegahan Rasuah Hong Kong berserta dengan mana-mana peraturan dan panduan yang berkaitan dan mereka hendaklah tidak bertindak dengan cara yang sedemikian rupa sehingga melanggar atau boleh ditafsirkan sebagai melanggar undang-undang dan keperluan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada menawarkan sogokan atau membuat bayaran kemudahan (“*facilitation payment*”) kepada penjawat awam atau kepada mana-mana pihak lain;
 - b) bahawa Pelanggan Yang Layak akan memastikan aktiviti mereka berhubung atau berkaitan dengan obligasi mereka di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan menyebabkan PAMB melanggar mana-mana undang-undang antisogokan dan antirasuah (dan peraturan dan garis panduan yang berkaitan);
 - c) jika Pelanggan Yang Layak, berhubung atau berkaitan dengan obligasi mereka di bawah Terma dan Syarat ini, diminta untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti yang melanggar undang-undang antisogokan atau antirasuah, atau menyedari tentang apa-apa kelakuan sedemikian oleh pekerja atau dalam kawalan mereka dan berkenaan atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk melaporkan perkara ini dengan serta-merta kepada PAMB; dan
 - d) PAMB berhak untuk membatalkan kelayakan penyertaan Pelanggan Yang Layak tanpa pemberitahuan, tanpa liabiliti, bagi apa-apa pelanggaran sebenar klausa ini.
- 15) Terma dan Syarat Kempen ini mungkin disediakan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara ketiga-tiga versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Nota Penting dan Penafian

PRUWith You adalah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala. Pelan-pelan yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“PAMB”) 198301012262 (107655-U) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Risalah ini tidak dimaksudkan sebagai bahan jualan dan tidak dimaksudkan sebagai tawaran atau permintaan untuk pembelian atau penjualan mana-mana instrumen/produk kewangan. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk berbuat demikian, kami menyarankan anda supaya berbincang dengan Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut. Anda dinasihatkan supaya merujuk **PRUWith You** Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Produk, Lembaran Fakta Dana dan risalah insuranceinfo mengenai Insurans Hayat, Insurans Berkaitan Pelaburan dan Insurans Perubatan dan Kesihatan sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-kecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini. Anda boleh melakukan penyerahan polisi pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi dalam tahun-tahun terawal, anda mungkin akan memperolehi amaun yang lebih kurang daripada premium yang anda telah bayar. Pada penyerahan polisi, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah pelan ini akan ditamatkan. Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh pemberitahuan) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (sebarang caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj-kejain lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak dan juga akan menolak perbelanjaan perubatan (jika ada) yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar. **PRUWith You** dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR,
DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH.